



Ong Siew Long, dari ibu kota Persekutuan telah hilang – tidak diketahui ke mana perginya. Adakah ia diculik atau dibawa lari untuk dituntut kepada majikannya tebusan – tidak ada khabar beritanya: adakah ia cuti panjang – juga tidak diketahui atau adakah ia *qālu*, tidak juga ada khabar beritanya kerana kalau ia *qālu*, sudah tentu ada majlis tahlilnya – dan rakan-rakannya dari lain-lain tempat akan mengadakan sembahyang ghaib kerananya. Harus ia hilang tak dapat dikesan, mati tidak tentu kuburnya!

* * *

Ong Eng Guan marah kepada pegawainya kerana tatkala menangkap penjaja-penjaja tidak lebih dahulu memberitahu kepadanya. Orang-orang yang menjaja yang ditangkap itu sudah tentu melanggar undang-undang – kalau tidak, tidak boleh ditangkap. Jadi apakah ertinya undang-undang kalau tidak dijalankan dan apakah ertinya pegawai kalau tidak berkuasa menjalankan undang-undang. Kalau Datuk Bandar itu mahu menggalang mereka menjalankan undang-undang – bukan marah-marah tetapi ubah undang-undang itu lebih dahulu kan baik? Bagi pegawai adakah ia ikut urus politik parti atau mesti jalankan undang-undang! Ini dikatakan serba salah Bung!

* * *

Banyak wang digunakan Datuk Bandar kerana membuat poster untuk *Jangan Berludah* dan untuk membunuh lalat dan membuat tong “kerana menaruh sampah untuk kebersihan” bandar. Tetapi di mana-mana tempat terutamanya dari bangsanya sendiri letak-letuk di mana-mana berludah tidak berhentinya di mana sukanya. Sampah-sampah berserak di sana sini oleh penjaja-penjaja yang “tidak boleh ditangkap” sehingga kotoran menjadi sarang lalat. Dengan ini maka sudah terang yang menderita rakyat kerana wang-wang rakyat dibelanjakan dengan tidak difikirkan masak-masak – dan tentunya kalau wang kurang cari jalan jalan cukai naik – rakyat yang menderita kerana beberapa gelintir manusia cari tempat duduk.

* * *

Tuan Ong Eng Guan pergi ke Indonesia dan sepulangnyanya telah meminta diuntukkan \$5000 wang rakyat untuk membawa pasukan kesenian Indonesia ke mari. Orang

bertanya dalam masa susah sekarang apakah perlunya ramai-ramai untuk melihat seni Indonesia? Adakah ini sebagai balasan kerana ia melawat ke sana? – Orang bertanya.

* * *

“Petir” menganjurkan supaya orang-orang China jangan terlampau mendesak orang-orang Melayu sekarang. Orang-orang Melayu patut ditolong kalau tidak harus terbit perkara-perkara yang tidak dikehendaki. Biarkan 15 tahun nanti baharu boleh dituntut persamaan setelah orang-orang Melayu “ditolong”. Riuhan-riuhan dibuat untuk menolong orang-orang Melayu tetapi riuh di dalam suara sahaja – hasilnya lain tidak selain menunggu saat Melayu untuk dijadikan korban! Percaya tak percaya lihat nanti apabila kekuasaan undi terletak di tangan bangsa mereka!

* * *

Dengan minum, kata Menteri Pelajaran Mohamed Khir Johari dapat merapatkan muhibah dan perhubungan. Minum yang dimaksudkan oleh A. Khir ini adalah kononnya minum keras! Kalau ini Bung minta ampun! Ertinya langgar tata tertib Islam pada hal agama negara agama Islam. Kalau sendiri mahu minum silakan tetapi jangan ajak sebagai peraturan atau kebaikan. Hal ini tentunya buat ribut ahli UMNO sendiri terbukti daripada bidasan-bidasan mereka sendiri. ‘Ulama’ UMNO tentu hanya bilang! Astaghfirullah!

* * *

Mahkamah Shari‘ah Singapura telah dibuka dan berjalan. Terbit daripadanya banyak cerita keluarga keluar. Ini tentunya peluang baik untuk akhbar untuk menceterakan “kisah dalam kelambu” daripada rumah tangga orang Islam! Mahkamah itu bagus tetapi penyiarannya mestilah disekat sebab orang-orang Islam terasa aib dan malu! Adakah ini dijadikan perhatian oleh Majlis Islam Penasihat Kerajaan Singapura?

* * *

Menurut yang diberitakan bahawa Jam‘iyyah menolak beberapa orang daripada 187 orang menjadi ahli di antaranya dikatakan Encik Kemat Bin Husin dan Encik Muhammad Bin Usman, di antara yang diterima, kononnya termasuk nama-nama En. Abdul Samat bin Ismail dan Baharuddin Arif! Dengan adanya yang diterima dan ditolak orang-orang bertanya apakah perbezaan di antara yang ditolak dan diterima itu? Orang-orang pun terus bertanya: “Adakah apa-apanya di sebalik penolakan itu?” Kalau mahu tahu apa-apanya dan selok belok alasan tuan-tuan yang menolak itu boleh tanya sama –

Cemeti al-Farouk.